



Herbarium Ethnobotani pula terdiri daripada koleksi spesi-

men tumbuhan yang mempunyai nilai ethnobotani. Isitilah ethnobotani merujuk kepada hubungan antara tumbuhan dengan masyarakat sama ada dari segi perubatan, binaan bangunan, kepercayaan, makanan, pakaian dan sebagainya.

Taman Konservatori Pertanian, UPM berada di bawah jagaan dan seliaan unit berkenaan. Ia dibina di atas kawasan ladang penanaman getah seluas dua hektar.

Penubuhannya adalah cetusan idea Nabih Canselor UPM, Prof. Daruk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah pada awal tahun 2006.

IBS dipertanggungjawab untuk membangunkan taman yang berfungsi sebagai lokasi penyelidikan, pembelajaran, rujukan dan rekreasi alam sekitar.

Terdapat lebih daripada 500 spesies koleksi yang terdapat di dalam Taman Konservatori Pertanian yang merangkumi tumbuhan asli dan eksotik.

Taman tersebut dibahagikan kepada 11 zon mengikut fungsi, kegunaan dan jenis tumbuhan. Antaranya, tumbuhan wangian lebih kurang 50 spesies, herba (100), halia dan kunyit (200), pernak kera (angguran tiga), orkid liar (900), paku pakis (20), ulam-ulaman (70), buah-buahan liar (10), keladi (20), tumbuhan akatik (15) dan rempah ratus kira-kira 15 spesies.

Pengarah IBS, Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff dan Timbalan Pendatarnya, Anuar Ahmad



PAKU tanduk rusa (Platyserium coronium) yang tumbuh di Taman Konservatori UPM.

memberi sokongan pengurusan tidak berbelah bahagi kepada taman tersebut.

Di samping itu, Unit Biodiversiti turut menghasilkan bahan mandian terapi herba dan sabun herba yang digunakan bagi tujuan perubatan serta penjagaan kesihatan.

Mandian terapi herba yang menggunakan beberapa spesies tumbuhan mempunyai khasiat untuk mengembalikan kesegaran badan, menaikkan seri muka dan meredakan penyakiti tertentu.

Beberapa jenis mandian juga boleh diamalkan. Misalnya mandi herba, mandi bunga, mandi wap, bertangas dan mandi linau.

Produk sabun pula dikenali sebagai Haruman Herba yang boleh didapati dalam pelbagai jenis seperti sabun resdung, je-

ragat, jerawat, linau, pandangan, serai wangi, kenanga, mandian herba, bunga dan mandian linau.

Setiap sabun diperceyail mempunyai khasiat tersendiri seperti menghilangkan bau dan menyegarkan badan.

Selain itu, ia juga dikatakan mampu merawat resdung, muntahkan urat saraf, membuang toksik yang menyebabkan angin badan serta memelihara kesihatan badan.

Dalam pada itu, Koordinator Unit Biodiversiti UPM, Prof. Madya Dr. Faridah Qamaruz Zaman berkata, setiap sabun dibuat berdasarkan warna dan bau mengikut permintaan.

"Pemahaman terhadap tanaman herba dapat dipupuk melalui bau sabun dan lakaran imej pada kotaknya," katanya.

Permintaan tinggi bagi produk-produk herba pada masa sekarang merupakan salah satu faktor penghasilan sabun perlu dipertingkatkan dengan lebih banyak.

Kesedaran tentang penjagaan ekosistem kehidupan terutama tumbuhan adalah penting agar generasi masa akan datang dapat terus bernafas dalam udara yang segar.

Di samping menikmati pemandangan yang nyaman sejuk dan sejuk, secantik bunga dan khasiat perubatan seperti herba.



JULIA menenangkan mengenai proses penghasilan kultur tisu.



PROSES pemindahan eksplan kultur tisu.

STAF Unit Biodiversiti IBS, UPM bergambar di hadapan gerbang Taman Konservatori.